



**GARIS PANDUAN
PEMBAYARAN BAYARAN INSENTIF BOMBA (BIB)
KEPADA PEGAWAI BOMBA PELBAGAI GRED
DI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

[PINDAAN TAHUN 2025]

SEKSYEN PEMBANGUNAN ORGANISASI
CAWANGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PEMBAYARAN BAYARAN INSENTIF BOMBA (BIB) KEPADA PEGAWAI BOMBA PELBAGAI GRED DI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

TUJUAN

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan dasar, pelaksanaan dan prosedur Bayaran Insentif Bomba (BIB) kepada Pegawai Bomba pelbagai gred yang berkhidmat di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) supaya dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, berkesan dan seragam.

TAFSIRAN

2. Dalam Garis Panduan ini:

Ketua Jabatan bermaksud pegawai yang mengetuai sesuatu Jabatan atau Zon mengikut mana-mana yang berkaitan.

Bayaran Insentif Bomba merupakan elaun yang diberi kepada anggota bomba sebagai galakan serta penghargaan berasaskan kriteria-kriteria kepakaran, kemahiran, keanehan tugas atau perkhidmatan dan kerana tergolong dalam Perkhidmatan Kritikal. Bayaran Insentif adalah merupakan sebahagian daripada Komponen Berubah.

Waktu Bekerja

Waktu bekerja yang ditetapkan kepada seseorang pegawai mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

Waktu Bekerja Pejabat

Waktu-waktu bekerja biasa yang berikut dipakai bagi semua pejabat di semua negeri di Malaysia seperti di **Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3.**

Jadual 1 : Waktu Bekerja Pejabat di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Sabah, Sarawak dan WP Labuan

Bil.	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
1.	Isnin-Khamis	8.00 pagi – 1.00 petang	1.00 – 2.00 petang	2.00 – 5.00 petang
2.	Jumaat	8.00 pagi – 12.15 tengah hari	12.15 tengah hari – 2.45 petang	2.45 – 5.00 petang
3.	Jumaat (Sabah dan Labuan)	8.00 pagi – 11.30 pagi	11.00 pagi – 2.00 petang	2.00 – 5.00 petang
4.	Jumaat (Sarawak)	8.00 – 11.45 pagi	11.45 pagi – 2.15 petang	2.15 – 5.00 petang

Jadual 2 : Waktu Bekerja Pejabat di Kedah, Kelantan dan Terengganu

Bil.	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
1.	Ahad – Rabu	8.00 pagi – 1.00 petang	1.00 – 2.00 petang	2.00 – 5.00 petang
2.	Khamis	8.00 pagi – 1.00 petang	1.00 – 2.00 petang	2.00 – 4.30. petang

Jadual 3: Waktu Bekerja Berperingkat di W.P Kuala Lumpur dan W.P Putrajaya

Bil.	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
1.	Isnin-Khamis	7.30 pagi – 1.00 petang	1.00 – 2.00 petang	2.00 – 4.30 petang
	Jumaat	7.30 pagi – 12.15 petang	12.15 tengah hari – 2.45 petang	2.45 – 4.30 petang
2.	Isnin- Khamis	8.00 pagi – 1.00 petang	1.00 – 2.00 petang	2.00-5.00
	Jumaat	8.00 pagi -12.15 tengah hari	12.15-2.45	2.45-5.00
3.	Isnin-Khamis	8.30 pagi – 1.00 petang	1.00 – 2.00 petang	2.00 – 5.30 petang
	Jumaat	8.30 pagi -12.15 tengahari	12.15 – 2.45 tengahari	2.45 – 5.30 petang

Waktu Bekerja Secara Giliran / Syif : Masa bekerja yang ditetapkan kepada Pegawai Bomba secara giliran / syif 12 jam atau 24 jam atas kepentingan untuk memberi perkhidmatan 24 jam sepanjang tahun dan berdasarkan kepada kesesuaian serta bilangan keanggotaan bomba di sesebuah **tempat bertugas** yang berkenaan.

Tinggal atau Tunggu Panggilan / On call : Pegawai yang dikehendaki berada dalam keadaan bersedia untuk dipanggil bertugas oleh Jabatan dan hendaklah berada dalam kawasan tempat bertugas.

Tempat bertugas iaitu mana-mana Balai Bomba dan Penyelamat, Pusat Gerakan Operasi, Pusat Gerakan Operasi Kebombaan Kebangsaan (PGOK), Pusat Gerakan Operasi Udara (PGOU), Unit Pengesan, Pangkalan Udara dan Bahagian di JBPM Ibu Pejabat, Negeri dan Zon.

LATAR BELAKANG

3. Bayaran Insentif Bomba (BIB) merupakan satu bentuk ganjaran atau insentif kewangan yang diberikan kepada Pegawai Bomba di Malaysia sebagai penghargaan atas perkhidmatan mereka yang cemerlang dan dedikasi dalam menjalankan tugas berasaskan kriteria kepakaran, kemahiran, keanehan tugas atau perkhidmatan dan kerana tergolong dalam perkhidmatan kritikal.
4. Objektif BIB kepada Pegawai Bomba adalah bagi memastikan perkhidmatan kebombaan berada dalam keadaan siap sedia untuk menghadiri operasi pemadaman kebakaran, penyelamatan dan penyiasatan kebakaran dalam tempoh ditetapkan.
5. Jabatan telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk Elaun Gantian (EGT) Bomba kepada Pegawai Bomba yang dikehendaki bertugas melebihi 12 jam mulai 1 Januari 1976. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 – Pelaksanaan Sistem Saraan Baru Berdasarkan Laporan

Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam 1991, EGT Bomba telah dikekalkan dan ditukar nama kepada Bayaran Insentif Bomba (BIB).

PUNCA KUASA

6. Surat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkaitan pembayaran elaun kepada Pegawai Bomba yang bertugas secara giliran / syif adalah seperti di **Jadual 7**:

Jadual 7: Surat kelulusan JPA berkaitan pembayaran elaun

Bil.	Perkara/ Rujukan / Tarikh	Kadar Sebulan
1.	Pembayaran Elaun Gantian Kepada Anggota-anggota Perkhidmatan Bomba, Lembaga Pengurus, Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang. JPA. 63/50/56/(9) bertarikh 31 Mei 1976	(a) Fireman: RM30 (b) Leading Fireman / Driver : RM35 (c) Chief Fireman : RM40 (d) Sub Officer: RM40 * Bekerja lebih 12 jam sehari
2.	Elaun Gantian Tetap Bagi Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba Yang Diarah bertugas 12 jam Sehari. JPA(S)63/31/3/(39) bertarikh 16 September 1982	(a) Ahli Bomba : RM15 (b) Ahli Bomba Kanan: RM17.50 (c) Ketua Ahli Bomba: RM17.50 (d) Peg. Bomba Tkt. II: RM20 (e) Peg. Bomba Tkt. I : RM20 *Kuat kuasa 1 Januari 1983 *Makan Minum dan Masa Rehat
3.	Elaun Gantian Tetap Bagi Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba Yang Diarahkan Bertugas 12 Jam atau 24 Jam Sehari. JPA(S)63/31/3(91) bertarikh 14 September 1984	Anggota yang menghadiri kursus tidak melebihi 28 hari berturut-turut layak menerima EGT

Bil.	Perkara/ Rujukan / Tarikh	Kadar Sebulan																											
4.	Penyemakan Semula Elaun Gantian Tetap bagi Anggota-anggota Perkhidmatan Bomba Berpangkat Rendah Yang Dikehendaki Bekerja 24 Jam Terus Menerus. JPA(S)63/31/3/(103) bertarikh 5 Januari 1987	i. Ahli Bomba : RM60. ii. Ahli Bomba Kanan : RM70 iii. Ketua Ahli Bomba : RM70 iv. Peg.Bomba Tkt. II: RM80 v. Peg.Bomba Tkt. I : RM80 *Kuat kuasa 1 Januari 1987																											
5.	Bayaran Insentif Bomba Kepada Anggota Bomba. JPA(S)63/138/Klt. 2/(14) bertarikh 30 Jun 1995	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Gred</th><th>24 jam (RM)</th><th>12 jam (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr><td>KB13</td><td>110</td><td>27.50</td></tr> <tr><td>KB12</td><td>120</td><td>30.50</td></tr> <tr><td>KB11</td><td>120</td><td>30.50</td></tr> <tr><td>KB10</td><td>130</td><td>32.50</td></tr> <tr><td>KB9</td><td>130</td><td>32.50</td></tr> <tr><td>KB8</td><td>130</td><td>32.50</td></tr> <tr><td>KB7</td><td>130</td><td>32.50</td></tr> <tr><td>KB6</td><td>130</td><td>32.50</td></tr> </tbody> </table> *Kuat kuasa 1 Julai 1995 *Kadar Baru bagi giliran kerja operasi 12 jam dan 24 jam	Gred	24 jam (RM)	12 jam (RM)	KB13	110	27.50	KB12	120	30.50	KB11	120	30.50	KB10	130	32.50	KB9	130	32.50	KB8	130	32.50	KB7	130	32.50	KB6	130	32.50
Gred	24 jam (RM)	12 jam (RM)																											
KB13	110	27.50																											
KB12	120	30.50																											
KB11	120	30.50																											
KB10	130	32.50																											
KB9	130	32.50																											
KB8	130	32.50																											
KB7	130	32.50																											
KB6	130	32.50																											
6.	Kenaikan Kadar Bayaran Insentif Bomba. JPA(S)63/138 Klt.2(49) bertarikh 07 November 2000	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Gred</th><th>24 jam (RM)</th><th>12 jam (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>KB6 - KB13</td><td>140</td><td>90</td></tr> </tbody> </table> *Kuat kuasa 1 November 2000	Gred	24 jam (RM)	12 jam (RM)	KB6 - KB13	140	90																					
Gred	24 jam (RM)	12 jam (RM)																											
KB6 - KB13	140	90																											
7.	Permohonan Pemanjangan Bayaran Insentif Bomba Kepada Penguasa Gred KB41 dan Ke atas Yang Bertugas Sebagai Pegawai Penjaga Balai dan Ketua Operasi Negeri, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.3 (17) bertarikh 07 Februari 2005	BIB syif 12 jam dan 24 jam untuk Pegawai Bomba gred KB11 hingga KB32 dipanjangkan kepada Penguasa Bomba gred KB41 dan ke atas yang bertugas sebagai Pegawai Penjaga Balai dan Ketua Operasi Negeri. *Kuat kuasa 1 Januari 2005																											

Bil.	Perkara/ Rujukan / Tarikh	Kadar Sebulan									
8.	Kajian Kenaikan Kadar Bayaran Insentif Bomba, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.5/(39) bertarikh 04 Mei 2007	<table><tr><th>Perkara</th><th>Kadar Semasa (RM)</th><th>Kadar Baru (RM)</th></tr><tr><td>Syif 12 jam</td><td>90</td><td>110</td></tr><tr><td>Syif 24 jam</td><td>140</td><td>220</td></tr></table> *Kuatkuasa 1 Mei 2007	Perkara	Kadar Semasa (RM)	Kadar Baru (RM)	Syif 12 jam	90	110	Syif 24 jam	140	220
Perkara	Kadar Semasa (RM)	Kadar Baru (RM)									
Syif 12 jam	90	110									
Syif 24 jam	140	220									
9.	Permohonan Pengecualian Khas Bagi Waktu Bekerja Giliran Syif Dan Syarat Pembayaran Bayaran Insentif Bomba Kepada Pegawai Bomba Yang Bertugas Di Balai Bomba Dan Penyelamat Pulau Pangkor, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Perak JPA.(S).800-7/2/147 Jld 2(5) bertarikh 26 Julai 2024	(a) Pengecualian khas bagi pelaksanaan waktu bekerja syif sedia ada iaitu 12 jam dianjak kepada 14 jam sehari bagi anggota di BBP Pulau Pangkor, JBPM Negeri Perak secara bertempoh sehingga waktu perkhidmatan feri yang disediakan boleh disesuaikan dengan peraturan waktu bekerja syif yang berkuat kuasa; (b) BIB syif 12 jam diberikan kepada Pegawai Bomba yang melaksanakan syif 14 jam sehari sahaja mengikut bilangan hari bertugas dalam sebulan melalui kaedah pembayaran secara pro-rata. Simulasi pengiraan pembayaran BIB secara pro-rata adalah seperti berikut: <table><tr><th>Kekerapan bertugas Jun 2024 (A)</th><th>Kekerapan tugas syif 14 jam (B)</th><th>Kekerapan tugas syif 10 jam</th><th>Tempoh bertugas (jam)</th></tr><tr><td>20</td><td>10</td><td>10</td><td>240</td></tr></table> $= \frac{B}{A} \times \text{Kadar Elaun (RM sebulan)}$$= \frac{10}{20} \times (\text{RM}110)$$=\text{RM}55.00 \text{ sebulan}$ (c) Pengecualian khas ini hanya terpakai kepada Pegawai Bomba yang bertugas di BBP Pulau Pangkor sahaja dan tidak	Kekerapan bertugas Jun 2024 (A)	Kekerapan tugas syif 14 jam (B)	Kekerapan tugas syif 10 jam	Tempoh bertugas (jam)	20	10	10	240	
Kekerapan bertugas Jun 2024 (A)	Kekerapan tugas syif 14 jam (B)	Kekerapan tugas syif 10 jam	Tempoh bertugas (jam)								
20	10	10	240								

Bil.	Perkara/ Rujukan / Tarikh	Kadar Sebulan						
		boleh dijadikan <i>precedent</i> kepada BBP lain.						
10.	Pekeliling Perkhidmatan : Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. 1 Disember 2024	<table><tr><th>Perkara</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr><tr><td>Syif 12 jam</td><td>110</td></tr><tr><td>Syif 24 jam</td><td>220</td></tr></table> Pembatalan PP/SP/SE: (a) Surat JPA(S)63/138 Klt.2/(14) bertarikh 30 Jun 1995; (b) Surat JPA(S)63/138 Klt.2/(49) bertarikh 7 November 2000; (c) Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.3 (17) bertarikh 7 Februari 2005; (d) Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.3(17) bertarikh 3 Mei 2006; (e) Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.5/(39) bertarikh 4 Mei 2007; dan (f) Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.	Perkara	Kadar Sebulan (RM)	Syif 12 jam	110	Syif 24 jam	220
Perkara	Kadar Sebulan (RM)							
Syif 12 jam	110							
Syif 24 jam	220							
11.	Edaran minit mesyuarat pengesahan pembayaran bagi Bayaran Insentif Bomba kepada pegawai yang bertugas syif di Pusat Gerakan Operasi, Unit Pengesan (K9) dan Pangkalan Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. JPA(S)800-7/2/147JLD. 2 (13) bertarikh 20.11.2024	(a) Garis Panduan Pembayaran BIB kepada Pegawai Bomba yang diwujudkan pada tahun 2014 oleh JBPM perlu dikemaskini; (b) Penetapan istilah balai bomba bagi pemberian BIB dimasukkan sebagai tafsiran di dalam garis panduan baharu berkenaan; dan (c) Penentuan bahagian-bahagian di JBPM yang melaksanakan Waktu Bekerja Syif 12 atau 24 jam yang layak dan memenuhi syarat kelayakan BIB.						

Bil.	Perkara/ Rujukan / Tarikh	Kadar Sebulan
		(d) Pemanjangan BIB kepada Penguasa Bomba dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional selain yang bertugas sebagai Pegawai Penjaga Balai dan Ketua Operasi Negeri yang menjalankan tugas secara syif 12 atau 24 jam perlu dikemukakan kepada JPA untuk pertimbangan dan kelulusan.

PRINSIP PELAKSANAAN

7. BIB ini layak dibayar kepada Pegawai Bomba yang berada dalam **Skim Perkhidmatan Bomba**.
8. Pegawai hanya **layak dibayar sekiranya** bertugas dalam salah satu waktu bertugas atau memegang jawatan tertentu seperti berikut:
 - (a) Pegawai Bomba yang bertugas dalam giliran, sama ada 12 jam atau 24 jam; atau
 - (b) Pegawai Bomba yang memegang jawatan sebagai Ketua Balai Bomba dan Penyelamat dan jawatan sebagai Penolong Pengarah Operasi Negeri dan bertugas secara *on-call* 24 jam.
9. Kadar bayaran adalah seperti berikut :

Perkara	Kadar Bayaran Sebulan (RM)
Syif 12 Jam	110
Syif 24 Jam	220

10. Pegawai Bomba yang meninggalkan tugas **melebihi 28 hari** berturut-turut perlu menyerahkan semula BIB ini dalam keadaan seperti berikut:
- (a) Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut;
 - (b) Cuti Haji;
 - (c) Cuti Sakit yang melebihi 28 hari berturut-turut;
 - (d) Cuti Bersalin;
 - (e) Cuti Belajar melebihi tiga (3) bulan; atau
 - (f) Kombinasi mana-mana jenis cuti seperti di atas yang melebihi 28 hari berturut turut.
11. Pemanjangan BIB kepada Penguasa Bomba dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional selain daripada yang bertugas sebagai Pegawai Penjaga Balai dan Ketua Operasi Negeri yang menjalankan tugas secara giliran syif 12 atau 24 jam perlu dikemukakan kepada JPA untuk pertimbangan dan kelulusan.

PEMAKAIAN

12. Semua Bahagian / JBPM Negeri / Zon / Balai hendaklah menerima pakai garis panduan ini dan mematuhi pelaksanaannya supaya segala urusan berkaitan pembayaran BIB adalah teratur selaras dengan peraturan dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa.

TARIKH KUATKUASA


13. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMBATALAN

14. Garis Panduan ini membatalkan Garis Panduan Pambayaran BIB Tahun 2013.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' Ts. NOR HISHAM BIN MOHAMMAD)
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

9 Februari 2025